

Lynas bukan loji nuklear, hanya kilang kimia biasa

Um (Majalah Negeri) Pahang 4/9/12 M19



KAKITANGAN Universiti Malaysia Pahang, Norsalwana Mohd. Idris melihat contoh produk dan bahan kegunaan seharian yang diperbuat daripada nadir bumi tetapi masih selamat digunakan.



KUANTAN 3 April - Fakta sebenar mengenai kilang memproses nadir bumi, Lynas di Gebeng ialah ia hanya sebuah kilang kimia biasa yang mana risiko daripada operasinya boleh diurus agar tidak mengancam kesihatan dan alam sekitar.

Menurut Profesor di Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Sumber Alam Universiti Malaysia Pahang (UMP), Dr. Badhrulhisham Abd. Aziz, Lynas bukan sebuah loji nuklear untuk dikaitkan dengan tragedi Chernobyl dan Fukushima.

Tegasnya, untuk menyamakan Lynas dengan apa yang berlaku di Asian Rare Earth (ARE) di Bukit Merah juga salah kerana situasi kedua-duanya berbeza.

"Lynas hanyalah kilang pemprosesan kimia walaupun bahan mentah terlibat merupakan thorium iaitu sejenis bahan radioaktif. Namun, radioaktif tersebut terlalu rendah jika dibandingkan dengan ARE yang 37 kali ganda lebih tinggi manakala kan-

dungan sisa ARE juga 60 kali ganda lebih tinggi kerana kandungan uranium dan thorium yang tinggi.

"Jadi, apabila sesetengah pihak bertanya sama ada kilang Lynas ini berisiko atau tidak, saya katakan ia berisiko tetapi boleh diuruskan sama seperti apabila orang bertanya, adakah tidak akan berlaku kemalangan dalam perjalanan dari Kuantan ke Kuala Lumpur jika melalui lebuhraya?"

"Dengan itu, jika kita melihat Lynas, risiko itu boleh diurus atau diminimumkan supaya ia tidak membahayakan ke-

selamatan dan kesihatan orang ramai serta persekitaran," katanya kepada *Utusan Malaysia* ketika ditemui di sini baru-baru ini.

Beliau yang juga Pengerusi Jawatankuasa Khas, Akademi Sains Malaysia berhubung isu Lynas pernah terlibat bersama Agensi Nuklear Malaysia ketika menangani isu ARE di Bukit Merah pada 1986.

Beliau gembira dengan keseda-

ran masyarakat mengenai isu ini, namun pada masa sama mengingatkan mereka supaya berpegang kepada fakta dan kebenaran, bukannya 'hujah' diputarbelitkan demi kepentingan pihak tertentu.

"Berdasarkan pengalaman dan kepakaran saya dalam bidang kimia dan reka bentuk loji, Lynas mempunyai risiko yang rendah dengan syarat semua langkah keselamatan, pemantauan dan penguatkuasaan diuruskan dengan baik.

"Begitu juga soal sisa yang menjadi kekhawatiran ketika ini, sedangkan sesetengah tempat menggunakan sisa daripada operasi kilang memproses nadir bumi ini sebagai bahan untuk membuat jalan raya.

Namun, Lynas masih menjalankan kajian bagi mencari kaedah terbaik menguruskannya.

"Oleh itu, tidak timbul isu Australia sendiri tidak mahu menerima sisa berkenaan kerana ia (pulangan sisa) bukan standard antarabangsa. Sama juga dengan beberapa bahan mentah yang kita import dan diuruskan di Kemaman dan Gebeng tetapi kita tidak pulangkan semula sisanya," katanya.



BADHRULHISHAM